



SIARAN AKHBAR

PENCARIAN 50 PMKS TERBAIK BERMULA...ANUGERAH E50 KINI KEMBALI!

KUALA LUMPUR, 27 Februari 2024 – Pencarian 50 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) terbaik di Malaysia kini bermula selepas pelancaran program anugerah berprestij, *Enterprise 50* atau lebih dikenali sebagai Anugerah E50 oleh SME Corp. Malaysia. Program Anugerah E50 2024 dengan tema 'Meraikan Semangat Keusahawanan Malaysia' telah dilancarkan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi di Hotel Aloft Kuala Lumpur Sentral, hari ini.

Mula diperkenalkan pada tahun 1997, Anugerah E50 telah mendapat pengiktirafan industri sejak dua (2) dekad yang lalu sebagai salah satu platform yang berkredibiliti dan menjadi rebutan bagi melambangkan pencapaian dalam perniagaan dan keusahawanan. Meraikan tahun ke-24 penganjurannya, Anugerah E50 yang disokong oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ini dianjurkan bersama oleh SME Corp. Malaysia dan Deloitte Malaysia, dengan kerjasama daripada rakan strategik seperti YTL Corporation Berhad, RHB Bank Berhad, KLIATV Media, RAM Rating Services Berhad, Media Prima Omnia, ASTRO Malaysia Holdings Berhad, Malaysia SME, Telekom Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad.

YB Datuk Ewon Benedick dalam ucapannya menekankan kepentingan kelestarian serta amalan persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam kalangan PMKS, "Melangkah ke hadapan, PMKS perlu melengkapi operasi perniagaan dengan aspek berkaitan kelestarian melalui penerapan amalan ESG iaitu Persekutaran, Sosial dan Tadbir Urus. Sehubungan itu, selain anugerah khas sedia ada iaitu Anugerah Usahawan Wanita Terbaik E50 dan Anugerah Usahawan Eksport Terbaik E50, satu Anugerah Khas Baharu akan diperkenalkan di bawah Program Anugerah E50 pada tahun ini iaitu Anugerah Amalan ESG Terbaik E50. Anugerah ini diperkenalkan bagi

memperakui Syarikat PMKS yang menjadikan ESG sebagai agenda utama dalam perniagaan".

"Sehingga kini, Program ini telah menarik seramai 2,225 peserta dan telah mengiktiraf 763 pemenang. Daripada pemenang E50 yang lalu, sebanyak 67 syarikat telah berjaya disenaraikan dalam pasaran modal, yang menambah lagi prestij Anugerah ini", kata YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia dalam ucapan aluannya.

Sementara itu, YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia menyatakan, "Anugerah ini telah berjaya mempromosi dan menonjolkan PMKS yang berdaya saing dan berdaya tahan serta mampu menghadapi cabaran global dalam semangat keusahawanan sejati selain meningkatkan penampilan syarikat. Anugerah E50 tahun ini amat signifikan dalam mengiktiraf PMKS yang berdaya tahan terutamanya dalam mengharungi ekonomi global yang makin mencabar".

Bagi tahun ini, syarikat perlu mengemukakan pencalonan mereka secara dalam talian melalui Sistem Bersepadu Penarafan Insentif PMKS (MyBPI) sebelum tarikh tutup pada 30 Jun 2024. Syarat kelayakan Anugerah E50 adalah:

- Memenuhi definisi PMKS dan diperbadankan di Malaysia dengan sekurang-kurangnya 40% ekuiti tempatan;
- Mendapat penarafan 4 dan 5 bintang di bawah SCORE;
- Tidak disenaraikan di Bursa Malaysia;
- Mempunyai penyata kewangan beraudit 3 tahun terkini; dan
- Anak syarikat tidak layak jika Syarikat Induk mengambil bahagian.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Anugerah E50, sila layari laman sesawang, www.e50.com.my.

Hadir sama semasa majlis pelancaran Anugerah *Enterprise 50* 2024 ialah YB Dato' Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia dan YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my